

Malaysia perlu beralih kepada ekonomi berasaskan perkhidmatan

UM 10 AUG 2005

KUALA LUMPUR 9 Ogos — Malaysia perlu beralih daripada sebuah negara berorientasikan perindustrian intensif buruh dan terlalu bergantung kepada pelaburan langsung asing (FDI) kepada sebuah ekonomi yang berasaskan perkhidmatan.

Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, hanya dengan cara itu dapat mengukuhkan semula kedudukan negara sebagai kuasa ekonomi di rantau Asia Timur.

Katanya, Malaysia perlu mengkaji semula strategi ekonominya berikutan kemunculan China sebagai kuasa baru ekonomi dunia dan destinasi menarik bagi FDI.

“Malaysia boleh menjadi pusat perkhidmatan bagi pasaran dunia dengan memanfaatkan kemajuan pesat teknologi perhubungan dan telekomunikasi,” katanya ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Sembang Ber-

sama Tokoh 2005 pada jamuan makan malam anjuran bersama Dewan Perniagaan Melayu Kuala Lumpur dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia di sini malam ini.

Dr. Mahathir berkata, semasa negara-negara lain di rantau ini bimbang kehadiran pelabur asing di negara mereka sebalik-

nya Malaysia telah memperkenalkan dasar menarik pelabur asing melabur dalam bidang industri di negara ini.

“Pada masa itu, Malaysia telah berjaya menjadi sebuah negara perindustrian yang intensif buruh sehingga negara ini menjadi syurga bagi FDI,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, kedudukan Malaysia sebagai syurga FDI telah terjejas kerana banyak negara terutama negara-negara jiran termasuk China telah mengikut langkah Malaysia dengan memperkenalkan pelbagai insentif yang lebih menarik.

Sehubungan dengan itu, katanya, Malaysia perlu mengukuhkan semula kedudukannya sebagai kuasa ekonomi di rantau Asia Timur dengan mengkaji semula strategi ekonominya termasuk mencari sumber baru.

Dr. Mahathir berkata, pada masa ini Malaysia

boleh menjadi pusat bagi pelbagai perkhidmatan ekonomi untuk pasaran dunia dengan memanfaatkan kepakaran dalam bidang teknologi maklumat dan telekomunikasi.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia tidak lagi mampu bersaing dalam bidang industri intensif buruh dan FDI dengan China dan India yang mempunyai kelebihan daripada segi buruh yang murah.

Semasa sesi soal jawab, Dr. Mahathir berkata, ringgit diramalkan mengalami peningkatan sebanyak 10 peratus pada hujung tahun ini setelah kerajaan menarik balik sistem tambatan.

Katanya, jika keadaan itu berlaku, ia merupakan situasi yang sangat baik untuk ekonomi negara.

Beliau berkata, kenaikan ringgit tidak boleh terlalu tinggi kerana ia akan menyukarkan kerajaan untuk menguruskannya.